

29/12/1998

Usah jadi tali barut pengkhianat

Cikgu Kemahiran Generik

PENYAMUN, penyangak, perompak dan penipu. Itulah anugerah khas di dunia ini jika ada, yang bolehlah diberikan kepada George Soros. Beliau cuba hendak menasihatkan rakyat negara ini untuk mencari pemimpin.

Pada pandangan saya elok benarlah Soros nasihat Kongres Amerika, pilih presiden lebih baik, untuk menggantikan Bill Clinton.

Jika pertimbangan adil mahu diberikan kepada masyarakat antarabangsa, Soros perlu ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah dunia. Beliau adalah penjenayah paling kejam dan rakus pada abad ini. Mahkamah di Belanda bukan sekadar membicarakan penjenayah perang, tetapi penjenayah mata wang pun perlu ditangkap dan dipenjarakan. Barulah ada demokrasi seperti selalu dilaungkan Barat.

Manusia yang rakus dan tamak haloba seperti Soros tidak menghiraukan penderitaan orang lain. Indonesia, Thailand dan Korea jatuh miskin manakala rakyat menderita kebuluran, kekurangan makanan dan kadar pembuangan pekerja pula terlalu tinggi. Hanya penjenayah dan penyangak seperti Soros saja, sanggup melakukan kekejaman ini.

Oleh itu, apakah rasionalnya, Soros menyuruh rakyat Malaysia menyingkirkan Perdana Menteri yang kami kasihi. Bukankah lebih elok Soros mengaku dan mengeluarkan kenyataan 'akulah penyangak dan perompak besar di dalam dunia moden hari ini'. Bukankah itu lebih baik daripada mencampuri urusan di dalam negara kami.

Orang seperti Soros jika dibiarkan bebas, selagi itulah krisis kewangan dunia akan berada di dalam kegawatan. Sistem kewangan dunia masih belum dapat dibuat perubahan lebih drastik. Ini semua angkara Soros dan konco-konconya yang memainkan peranan penting dalam Tabung Matawang Antarabangsa (IMF).

Orang yang bersimpati kepada orang luar seperti Soros pun ada di negara ini. Jika tidak mengapa perlu bawa sepanduk 'Clinton tangkap Mahathir'. Nadanya seirama dengan apa yang dicakapkan orang luar. Mudah-mudahan Allah memberi hidayah dan petunjuk kepada bangsaku. Insaf dan berfikirlah. Jangan sampai satu hari di bumi Malaysia ini, anak-anak cucu kita salahkan kita. Kesilapan lalu sudah dan sedang kita lalui kini. Bagaimana dengan kesilapan kali kedua ini. Adakah bangsa kita akan wujud lagi. Fikirkanlah.

Kini sudah tiba masanya untuk orang-orang Melayu dan rakyat Malaysia sedar. Hentikanlah kerja menjadi tali barut serta pengkhianat negara di dalam negara kita sendiri.